

FRAGMEN

MBSA 2020


EDISI 5



MAJLIS
BANDARAYA
SHAH ALAM

EDISI 5

FRAGMEN MBSA 2020



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Tingkat G, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel : 03-5510 5133 Faks : 03-5510 8010 Hotline : 03-5510 5811 Talian Aduan Bebas Tol : 1800 88 4477

korporat@mbsa.gov.my
www.facebook.com/shahalamcitycouncil
www.twitter.com/sacitycouncil
www.mbsa.gov.my



DASAR 
Khidmat
Terbaik

VISI 
Menjadikan Shah Alam Bandar Raya
Yang Berkualiti, Sejahtera,
Kondusif Dan Terunggul

MISI 
Meningkatkan Tadbir Urus MBSA
Sebagai Organisasi Yang Efisien, Efektif,
Kompeten, Dinamis dan Terus Cemerlang

PENGENALAN

FRAGMEN merupakan buku kompilasi program-program anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sepanjang tahun 2020. Saban tahun, pelbagai aktiviti berbentuk komuniti, inisiatif hijau, kesenian dan kebudayaan, sukan, kunjungan delegasi luar negara dan pelbagai lagi menjadi fokus kepada pihak MBSA dalam penganjuran program tahunannya.

Dalam negara menghadapi pemulihan pasca Covid-19, program-program anjuran pihak MBSA yang tertangguh tetap dilaksanakan mengikut kesesuaian penganjuran aktiviti tersebut. Penganjuran beberapa program seperti operasi, bengkel, taklimat dan program komuniti dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) serta mengamalkan norma baharu seperti penjarakan fizikal, penggunaan pelitup muka, penggunaan 'hand-sanitizer', rekod suhu badan dan sebagainya.

Penerbitan buku Fragmen ini juga diharapkan dapat memberi manfaat serta makluman kepada komuniti berkenaan aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak MBSA.

KANDUNGAN

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI SURAT AKUJANJI AHLI MAJLIS MBSA	5
TAKLIMAT PASUKAN TASKFORCE I-SEKAT 2020	8
KONVOI JALUR GEMILANG DAERAH PETALING	11
TOWNHALL BAJET 2021	14
LAWATAN KERJA DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	17
SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA	20
LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN LANDSKAP	23
LAWATAN KE GARAJ BELIA	26
LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT KE TERMINAL 17 SESI PERJUMPAAN BERSAMA AHLI PARLIMEN SHAH ALAM DAN AHLI DEWAN NEGERI KOTA ANGGERIK	29
KAUNTER DRAF RANCANGAN TEMPATAN MBSA 2035	32
MAJLIS KHATAM AL-QURAN ANJURAN PUSPANITA	34
OPERASI TANJAKAN SEKSYEN 7	37
OPERASI BERSEPADU CRYPTOCURRENCY MINING BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD	40
MALAYSIA URBAN FORUM 2020	42
PERASMIAN PEMBUKAAN PERSIARAN SHOREA, SEKSYEN U16	45
CABUTAN KEMPEN BAYAR & MENANG CUKAI TAKSIRAN	48
	51

SEPTEMBER

KANDUNGAN

OPERASI BERSEPADU SALAH GUNA PREMIS KEDIAMAN	54
LAWATAN KE UNIT RUMAH CONTOH DIBINA DENGAN TEKNOLOGI MRCB BUILDING SYSTEM	57
PROGRAM KONVOI JELAJAH MPP	60
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA	64
OPERASI CEGAH DENGGI DI PADANG JAWA	67
MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-20	70
PEMATUHAN SOP DI PASAR MALAM SEKSYEN 19 DAN 20	73
DISINFEKSI COVID-19 DI BALAI POLIS SEKSYEN 6 DAN LOKASI SEKATAN JALAN RAYA	76
OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN DI JALAN BUKIT NAGA, SEKSYEN 32	79
WEBINAR NORMA BAHRU BANDAR RENDAH KARBON	88
LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN AIR PANCURAN BERIRAMA TAMAN TASIK SHAH ALAM	84
KERJA-KERJA DISINFEKSI DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	87
PEMANTAUAN SOP PKPB OLEH JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN	90
OPERASI PEMANTAUAN SOP PREMIS PERNIAGAAN DI SEKITAR SHAH ALAM	93
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI SURAT AKUJANJI AHLI MAJLIS MBSA	96
KERJA-KERJA DISINFEKSI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING, SEKSYEN U5	99

OKTOBER

— SEPTEMBER —

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI SURAT AKUJANJI AHLI MAJLIS MBSA

1 SEPTEMBER 2020

Majlis Angkat Sumpah dan Menandatangani Surat Akujanji pelantikan Encik Sarawanan a/l Selvarajoo sebagai Ahli Majlis MBSA telah diadakan pada 1 September 2020 di Pejabat Datuk Bandar Shah Alam. Encik Sarawanan ditugaskan untuk mempengerusikan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 5.



■ FRAGMEN MBSA 2020





TAKLIMAT PASUKAN TASKFORCE I-SEKAT 2020

1 SEPTEMBER 2020

Pada 1 September 2020, pihak MBSA telah mengadakan sesi taklimat kepada pasukan Taskforce i-Sekat 2020 bertempat di Bilik Latihan Cattleya, Wisma MBSA. Pasukan Taskforce i-Sekat 2020 ini diwujudkan bagi mempergiatkan lagi tindakan mengutip tunggakan hasil MBSA untuk tahun 2020.







KONVOI JALUR GEMILANG DAERAH PETALING

2 SEPTEMBER 2020

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah mengadakan Program Kembara Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 dan Hari Malaysia 2020 Peringkat Daerah Petaling. Tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dipilih sebagai 'checkpoint' untuk sesi penyerahan Jalur Gemilang iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).







TOWNHALL BAJET 2021

2 SEPTEMBER 2020

Sesi Townhall Bajet 2021 Bersama Pemegang Taruh (Stakeholders) diadakan bertujuan untuk mengumpulkan idea, cadangan dan pandangan yang bernalas serta memberikan ruang kepada pemegang taruh secara langsung dalam melaksanakan 'participatory budgeting process' yang turut memberikan ruang kepada penglibatan masyarakat untuk merencana program dan projek yang dicadangkan untuk kesejahteraan komuniti di Shah Alam.





■ FRAGMEN MBSA 2020



LAWATAN KERJA DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

3 SEPTEMBER 2020

Lawatan kerja dari Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertujuan untuk mempelajari Prosedur Tindakan Penundaan dan Tuntutan Kenderaan di kawasan pentadbiran MBSA. Delegasi MBJB diketuai oleh Puan Nur Azah binti Nor Aziz, Pegawai Undang-Undang MBJB. Manakala, taklimat telah dipengerusikan oleh Tuan Khalidon bin Haron, Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasa dari Jabatan Penguatkuasaan MBSA.



■ FRAGMEN MBSA 2020





SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA

3 SEPTEMBER 2020

Dengan tema "Keselamatan Makanan Di Pasar", Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengadakan Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia di Pasar Moden Seksyen 16, Shah Alam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'sri bin Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Turut hadir dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam.









LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN LANDSKAP

4 SEPTEMBER 2020

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam bersama-sama Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar serta beberapa orang pegawai dari pelbagai Jabatan MBSA mengadakan lawatan ke tapak Projek Pembangunan Jabatan Landskap di Taman Tasik Shah Alam seperti Flying Fox, projek Jambatan ke Pulau Undan dan projek pembangunan Air Pancuran Berirama (*Musical Fountain*).







■ FRAGMEN MBSA 2020

LAWATAN KE GARAJ BELIA

7 SEPTEMBER 2020

Program Bandar Selamat (PBS) di bawah Unit NKRA Bandar Selamat, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia telah memilih kawasan Ken Rimba Jaya, Seksyen 16 (Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah) sebagai salah satu pelaksanaan PBS bagi inisiatif Pemutihan Kawasan 'Blackspot' tahun 2020 kerana kepadatan penduduk dan kebanyakan penghuni merupakan warga tempatan yang terdiri daripada golongan M40 dan B40.





■ FRAGMEN MBSA 2020



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT KE TERMINAL 17

8 SEPTEMBER 2020

Pada 8 September 2020, seramai 12 orang wakil dari Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah mengadakan lawatan ke Terminal Bas Seksyen 17, Shah Alam. Lawatan tersebut telah diketuai oleh Encik Muhammad Helmi bin Ya'kub, Setiausaha MPBP. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pengoperasian terminal bas dan taklimat telah disampaikan oleh Encik Noraznizam bin Alias, Ketua Bahagian Pengangkutan Bandar MBSA.



■ FRAGMEN MBSA 2020





SESI PERJUMPAAN BERSAMA AHLI PARLIMEN SHAH ALAM DAN AHLI DEWAN NEGERI KOTA ANGGERIK

10 SEPTEMBER 2020

Pihak MBSA telah mengadakan mesyuarat bersama YB Tuan Khalid bin Abd Samad, Ahli Parlimen Shah Alam dan YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik di Wisma MBSA. Mesyuarat membincangkan mengenai isu-isu dan aduan di kawasan pentadbiran MBSA.





■ FRAGMEN MBSA 2020

KAUNTER DRAF RANCANGAN TEMPATAN MBSA 2035

10, 11 & 17 SEPTEMBER 2020

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil inisiatif dengan membuka kaunter DRTMBSA di tiga lokasi yang telah dipilih iaitu di Perpustakaan Anggerik Mokara, Seksyen U5, Shah Alam pada 10 September 2020, Pejabat Cawangan Kota Kemuning pada 11 September 2020 dan Pejabat Cawangan Setia Alam pada 17 September 2020. Kaunter DRTMBSA ini dibuka untuk memberi peluang kepada orang ramai dan pemegang taruh (*stakeholders*) membuat bantahan serta memberi cadangan kepada pihak MBSA.





■ FRAGMEN MBSA 2020



MAJLIS KHATAM AL-QURAN ANJURAN PUSPANITA


11 SEPTEMBER 2020

Seramai 48 orang kakitangan wanita MBSA telah menyertai Majlis Khatam Al-Quran anjuran PUSPANITA MBSA. Majlis Khatam Al-Quran yang telah diadakan di Kediaman Rasmi Datuk Bandar ini merupakan kesinambungan daripada aktiviti tadarus Al-Quran yang telah diadakan secara atas talian ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang bulan Mac sehingga Mei 2020.



■ FRAGMEN MBSA 2020





OPERASI TANJAKAN SEKSYEN 7

17 SEPTEMBER 2020

Sebanyak 8 buah premis telah dikenakan tindakan kerana membina tanjakan simen dengan 2 tanjakan telah dipecahkan dan 8 kompaun telah dikeluarkan dalam Operasi Memecah Tanjakan pada 17 September 2020 di Jalan Keluli, Seksyen 7, Shah Alam. Operasi ini diadakan untuk mengesan dan menangani masalah pemilik premis perniagaan yang menyalahgunakan tempat letak kereta untuk tujuan perniagaan tanpa kebenaran pihak MBSA.





OPERASI BERSEPADU CRYPTOCURRENCY MINING BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD

24 SEPTEMBER 2020

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bersama-sama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengadakan Operasi Bersepadu Cryptocurrency Mining di sekitar Seksyen U20, Shah Alam. Serbuan telah dilakukan terhadap sebuah premis yang didapati terdapat aktiviti 'Cryptocurrency Mining' dan kecurian elektrik. Pihak TNB telah memutuskan sambungan haram elektrik di premis tersebut.







MALAYSIA URBAN FORUM 2020


28 SEPTEMBER 2020

Memandangkan dunia sedang berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19, pihak URBANICE Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan persidangan Malaysia Urban Forum 2020 (MUF2020) mengikut norma baharu. Persidangan ini menjadi sejarah bagi Malaysia kerana menjadi salah sebuah negara yang menganjurkan Forum Bandar pasca Covid-19 secara norma baharu dan ia telah menarik penyertaan para peserta dari dalam dan luar negara.



■ FRAGMEN MBSA 2020





PERASMIAN PEMBUKAAN PERSIARAN SHOREA, SEKSYEN U16

28 SEPTEMBER 2020

Sime Darby Property Berhad dengan rasminya telah membuka Persiaran Shorea di *City of Elmina*, Seksyen U16, Shah Alam. Persiaran sepanjang 4.43 kilometer ini akan memanfaatkan lebih 200,000 penduduk setempat terutamanya penghuni Saujana Utama dan Elmina Green. Pengguna jalan raya dari Saujana Utama akan mendapat akses utama ke Lebuhraya Koridor Guthrie yang dianggarkan dapat mengurangkan jangka masa perjalanan sehari mereka dari dalam dan ke luar bandar.





■ FRAGMEN MBSA 2020



CABUTAN KEMPEN BAYAR & MENANG CUKAI TAKSIRAN

29 SEPTEMBER 2020

MBSA telah mengadakan program cabutan pemenang 'Kempen Bayar dan Menang Cukai Taksiran MBSA Tahun 2020'. Kempen ini telah diadakan mulai 1 Julai sehingga 31 Ogos 2020 kepada pemegang-pemegang harta di kawasan pentadbiran MBSA. Sebanyak 58 cabutan melibatkan hadiah utama berupa motosikal Yamaha Y15ZR 150cc untuk 3 orang pemenang, telefon bimbit model Vivo V17 untuk 5 orang pemenang serta peralatan elektrik untuk 50 orang pemenang.







—OKTOBER—

OPERASI BERSEPADU SALAH GUNA PREMIS KEDIAMAN

1 OKTOBER 2020

Pihak MBSA telah melakukan Operasi Bersepadu Salah Guna Premis Kediaman dijadikan kedai runcit tanpa lesen di Apartment Valencia Seksyen 25, Shah Alam. Seramai 58 orang kakitangan MBSA bersama-sama 6 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta 12 orang pegawai dan anggota Jabatan Imigresen Malaysia telah terlibat dalam operasi tersebut.





■ FRAGMEN MBSA 2020



LAWATAN KE UNIT RUMAH CONTOH DIBINA DENGAN TEKNOLOGI MRCB BUILDING SYSTEM

2 OKTOBER 2020

Pihak Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) telah menjemput pihak MBSA untuk bersama-sama melawat unit rumah contoh di tapak pembinaan projek Kwasa Sentral Plot C Site di Seksyen U4, Shah Alam yang dibangunkan dengan teknologi pembinaan baru yang dikenali sebagai *MRCB Building System (MBS)*. Komponen utamanya terdiri daripada kombinasi dua sistem iaitu *Prefabricated Prefinished Volumetric Construction (PPVC)* dan *Candle-Loc System* iaitu Sistem Penyambungan Khas Pada Bangunan (proprietary MRCB).



■ FRAGMEN MBSA 2020



WHY MRCB BUILDING SYSTEM (MBS)?

- FLEXIBLE**
- ACCESSIBLE**
- SIMPLE**
- TECHNOLOGICAL ADVANCEMENT**
- STANDARDISATION OF DESIGN**
 - Design for replication
 - Design for maintenance
- ENHANCED CONSTRUCTION WITH PROPRIETARY JOINING SYSTEM,**
- FABRICATION**
 - Flexible and mobile yard - anywhere to suit required location
- URBAN AREA**
 - Enable homes to receive the best services
- SIMPLIFIED PROCUREMENT PLANNING**
- MATERIAL**
 - Can be designed to us requirement
 - Flexibility in us Steel/ Concrete/ Engineered Wood
- ACCESSIBILITY TO NEW SUPPLY CHAIN**
- UPSKILLING LOCAL WORKFORCE**
 - Possible for TVET and Y Ribbon with repetitive work in a clean and conducive environment
- INNOVATIVE DESIGN TO REDUCE WASTAGE.**





PROGRAM KONVOI JELAJAH MPP

3 OKTOBER 2020

Program ini merangkumi tiga lokasi melibatkan zon utara, zon tengah dan selatan dalam kawasan pentadbiran MBSA. Lokasi pertama adalah di Padang Rakyat Seksyen 30 (Zon Selatan), lokasi kedua di Padang Awam Jalan Gelora 19/46 Seksyen 19 (Zon Tengah) dan lokasi ketiga di Denai Alam Recreational & Riding Club (DARC) Seksyen U16 (Zon Utara). Program ini merupakan platform MBSA untuk membolehkan masyarakat di kawasan Shah Alam mengetahui dengan lebih mendalam fungsi serta peranan Majlis.









MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA

7 OKTOBER 2020

Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA yang diadakan pada bulan Oktober dihoskan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Selain daripada amanat yang diberikan oleh Datuk Bandar kepada semua kakitangan, turut diadakan sesi memotong kek dan pulut kuning sempena Sambutan Ulang Tahun






■ FRAGMEN MBSA 2020




OPERASI CEGAH DENGGI DI PADANG JAWA

7 OKTOBER 2020

Walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tetap proaktif untuk menangani masalah demam denggi di kawasan pentadbiran MBSA dengan melakukan Operasi Cegah Denggi di sekitar Padang Jawa, Shah Alam. Pihak MBSA turut menyeru agar warga Shah Alam dapat memastikan keadaan persekitaran kediaman masing-masing berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan jentik-jentik Aedes.







MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-20

9 OKTOBER 2020

Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat ini diadakan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT kerana bandar raya Shah Alam sentiasa berada dalam suasana yang aman, harmoni dan sejahtera. Program ini berteraskan pengisian kerohanian untuk merapatkan ukhuwah di antara MBSA dan warga Shah Alam. Turut diadakan penyerahan cek sumbangan berjumlah RM5,000 kepada 3 buah masjid iaitu Masjid As-Solihin Kampung Padang Jawa Seksyen 17 Shah Alam, Masjid At-Takwa Subang Permai Seksyen U6, dan Masjid Al-Muhsinin Sungai Kandis Seksyen 36.





■ FRAGMEN MBSA 2020



PEMATUHAN SOP DI PASAR MALAM SEKSYEN 19 DAN 20

10 OKTOBER 2020

Pemantauan dan rondaan di pasar ini adalah bagi memastikan pengunjung yang hadir ke pasar malam tersebut mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti menggunakan pelitup muka, penggunaan 'hand sanitizer', penjaraikan fizikal, pemeriksaan suhu badan dan sebagainya. Pemantauan telah dilakukan oleh anggota penguatkuasa dari Jabatan Penguatkuasaan MBSA.



■ FRAGMEN MBSA 2020






DISINFEKSI COVID-19 DI BALAI POLIS SEKSYEN 6 DAN LOKASI SEKATAN JALAN RAYA

14 OKTOBER 2020

Pihak MBSA telah menjalankan kerja-kerja disinfeksi di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam pada 14 Oktober 2020. Aktiviti disinfeksi dilakukan oleh petugas dari Jabatan Kesihatan Persekutuan MBSA. Selain daripada Balai Polis Seksyen 6, pihak MBSA turut melakukan kerja-kerja disinfeksi di lokasi sekatkan jalan raya (SJR) di Seksyen 7 dan Seksyen 26, Shah Alam.








OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN DI JALAN BUKIT NAGA, SEKSYEN 32

15 OKTOBER 2020

Sebanyak 9 premis telah diperiksa dalam Operasi Bersepadu Pemeriksaan Premis Perniagaan di sekitar Jalan Bukit Naga, Seksyen 32, Shah Alam dan hasil pemeriksaan 2 premis telah diarahkan tutup kerana melanggar syarat dan peraturan MBSA. Pihak MBSA akan berterusan mengadakan rondaan dan pemantauan terhadap premis-premis di kawasan pentadbiran MBSA secara berkala bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan sekali gus memastikan rantaian COVID-19 dapat diputuskan.



■ FRAGMEN MBSA 2020







■ FRAGMEN MBSA 2020

WEBINAR NORMA BAHARU BANDAR RENDAH KARBON

19 OKTOBER 2020

Selaras dengan hasrat Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan kerjasama Malaysian Green Technology & Climate Change Centre (MGTC) telah menganjurkan International GreenTech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2020 (IGEM 2020) yang berlangsung secara maya. Webinar tersebut diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju harta tanah, masyarakat setempat dan pihak yang terlibat mengenai konsep perbandaran rendah karbon dan gaya hidup yang lebih lestari.






LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN AIR PANCURAN BERIRAMA TAMAN TASIK SHAH ALAM

19 OKTOBER 2020

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam bersama-sama pihak pengurusan telah turun padang melawat tapak projek pembangunan Air Pancuran Berirama yang terletak di kawasan Tasik Barat, Taman Tasik Shah Alam. Dalam lawatan tersebut turut dipaparkan reka bentuk dan pembinaan pancuran air berirama (*Musical Fountain*) yang dilengkapi dengan sistem pencahayaan LED, *fog/mist* dan audio.





■ FRAGMEN MBSA 2020









KERJA-KERJA DISINFEKSI DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

20 OKTOBER 2020

Dalam usaha menangani penularan virus Covid-19, pihak MBSA mengambil inisiatif dengan mengendalikan aktiviti disinfeksi di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 14, Shah Alam. Aktiviti disinfeksi ini telah dilakukan oleh kakitangan dari Jabatan Kesihatan Persekutuan MBSA pada 20 Oktober 2020.









PEMANTAUAN SOP PKPB OLEH JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

21 OKTOBER 2020

Lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dikuatkuasakan, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah meningkatkan pemantauan dan rondaan di kawasan pentadbiran MBSA bagi memastikan orang ramai mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Para petugas dari Jabatan Kesihatan Persekutuan MBSA telah menjalankan pemantauan SOP PKPB di Kompleks PKNS dan SACC Mall, Shah Alam pada 21 Oktober 2020.







OPERASI PEMANTAUAN SOP PREMIS PERNIAGAAN DI SEKITAR SHAH ALAM

22 OKTOBER 2020

Jabatan Kesihatan Persekutuan MBSA telah melakukan Operasi Pemantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) Premis Perniagaan di sekitar Shah Alam pada 22 Oktober 2020. Antara kawasan yang dipantau adalah Seksyen 13, 15, U2 dan Seksyen U3.







MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI SURAT AKUJANJI AHLI MAJLIS MBSA

27 OKTOBER 2020

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menerima tiga orang Ahli Majlis baru yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk berkhidmat di kawasan pentadbiran MBSA iaitu Puan Saira Banu yang mempengerusikan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 6, Puan Siti Nur Aishah binti Mohd Zain yang mempengerusikan MPP Zon 8 dan Encik Kong Sai Weng yang mempengerusikan MPP Zon 12. Majlis Angkat Sumpah dan Menandatangani Surat Akujanji telah diadakan pada 27 Oktober 2020 bertempat di Dewan Perbandaran MBSA.





■ FRAGMEN MBSA 2020



KERJA-KERJA DISINFEKSI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING, SEKSYEN U5

27 OKTOBER 2020

Pada 27 Oktober 2020, pihak MBSA melalui Jabatan Kesihatan Persekutuan telah mengadakan kerja-kerja disinfeksi di sekitar Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Seksyen U5, Shah Alam. Proses disinfeksi ini merupakan langkah yang diambil oleh MBSA bagi mengekang penularan wabak Covid-19.



■ FRAGMEN MBSA 2020

